

Ombudsman urus aduan isu salah tadbir ditubuhkan

Dari muka 1

“Cadangan penggubalan undang-undang baharu bagi menyelaraskan SOE turut dibincangkan sebagai sebahagian usaha kerajaan memperkukuh kebertanggungjawaban serta ketelusan dalam pengurusan entiti milik negara,” katanya.

Katanya segala persetujuan yang dicapai menerusi mesyuarat tersebut mencerminkan iltizam berterusan kerajaan untuk memacu reformasi institusi, dasar dan perundangan secara holistik demi mengukuhkan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap ketelusan pentadbiran negara serta mutu perkhidmatan awam.

Sementara itu, ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya semalam Anwar mengarahkan Kementerian Kerja Raya (KKR) mengam-

bil tindakan tegas terhadap kontraktor yang bersikap sambil lewa atau gagal menyiapkan projek mengikut jadual, bagi memastikan pembangunan infrastruktur yang menjadi tonggak negara berjalan lancar dan memberi manfaat kepada rakyat.

Katanya, perkara itu penting kerana kementerian itu bertanggungjawab terhadap pelbagai projek pembangunan membatinkan kepentingan rakyat.

“Kena sentiasa ada usaha untuk kita percepatkannya kerana misalnya ada orang memerlukan jambatan itu siap pada Januari, tetapi tertangguh hingga Februari, sebulan dia derita, tertangguh lagi enam bulan, dia sengsara, tertangguh 10 bulan jadi duka lara.

“Banyak projek infrastruktur ini tonggakunya KKR (Kementerian Kerja Raya). Jika berjaya, berjaya lah pembangunan itu, jadi,

kementerian perlu senaraikan semua projek, berapa ratus projek atau mungkin ribu di negara kita.

“Pastikan rekod prestasi mereka, jangan tunggu sehingga selesai, kalau asyik sambil lewa dan lambat, kita nak (KKR) ambil sikap lebih keras pada kontraktor,” katanya.

Anwar berkata, kerajaan juga nekad menyelesaikan masalah kemudahan asas dan prasarana di Sabah dengan kadar segera bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat negeri di bawah bayu itu.

Beliau melihat sendiri dan memahami mengapa rakyat di Sabah marah kerana masalah kemudahan asas mereka masih tidak diselesaikan walaupun kerajaan dan Perdana Menteri sering berganti.

“Saya sebagai manusia faham (mengapa mereka) marah, dia kata ‘menteri, kerajaan (dan) Perdana Menteri silih berganti tetapi

air (masih) belum berganti, elektrik belum dipasang (dan) jalan lubang-lubang’.

“Jadi dia resah (dan) belum cukup yakin, saya tidak salahkan mereka walaupun kita (kerajaan) telah luluskan jumlah kewangan paling besar dalam sejarah (iaitu sehingga) RM17 bilion, untuk air (sahaja) dekat RM1 bilion (dan) untuk elektrik (pula) RM1.2 bilion tetapi belum siap.

“Jadi selagi belum siap, kerana dia rasa terpinggir sekian lama, kita boleh faham. Sebab itu saya tidak ambil sikap sesetengah orang politik yang marah kerana tidak dapat sokongan, saya cuba faham,” katanya.

Anwar berkata, kerajaan terus memantau pelaksanaan projek-projek di Sabah dan mesyuarat bulanan akan dilakukan bagi membincangkan mengenai keperluan asas rakyat di negeri tersebut.